

ISU ETIKA DALAM POLITIK GERAKAN ISLAM: SOROTAN TERHADAP PAS

BADLIHISHAM MOHD NASIR
DAN
CHE YUSOF CHE MAMAT

PENGENALAN

Penglibatan gerakan Islam atau dakwah dalam politik tanahair sama ada secara langsung atau sebaliknya telah menjadi suatu fenomena biasa dalam masyarakat. Usaha mereka yang menjadikan politik sebagai suatu saluran paling berkesan dalam menegakkan Islam sukar dipertikaikan. Rangkaian siri kemenangan dalam perebutan kerusi di beberapa buah negeri mungkin membayangkan masyarakat sudah mula menerima pendekatan dakwah-politik mereka. Walaubagaimanapun, sebahagian daripada pendekatan mereka dikatakan bercanggah dengan etika politik Islam sehingga menimbulkan kontroversi dalam masyarakat. Kritikan pelbagai pihak dalam isu ini seolah-olah meletakkan gerakan dakwah-politik berada dalam *dilemma* sehingga matlamat perjuangan mereka yang sebenarnya tercemar. Keadaan ini diburukkan lagi dengan peristiwa 11 September yang membentuk persepsi negatif antarabangsa terhadap Islam dan umatnya di seluruh dunia. Hasilnya, tindaktanduk gerakan Islam seperti PAS semakin dicurigai walaupun mendakwa mengamalkan Islam sebagai teras etika mereka berpolitik. Persoalannya; sejauhmanakah gerakan Islam terlibat dalam tindakan politik yang tidak bermoral itu?, atau ia hanya tohmahan bagi menjatuhkan kewibawaan mereka di mata masyarakat sahaja?. Justeru itu, artikel ini cuba menyorot kembali hubungan gerakan Islam dan politik serta membahaskan tindakan-tindakan mereka yang dikatakan menyalahi etika atau *akhlak* Islam.

ETIKA, MORAL DAN AKHLAK

Etika adalah perkataan asing yang telah menjadi sebatik dalam perbendaharaan bahasa Melayu. Selain etika, istilah moral dan akhlak turut digunakan yang secara umumnya dilihat mempunyai pengertian yang

sama. Ia digunakan secara *interchangeably* khusus bagi menunjukkan suatu peraturan, undang-undang, cara dalam menilai atau mengatur tindak-tanduk manusia. Dalam konteks masyarakat negara ini, ketiga-tiga kalimah berkenaan lazimnya digunakan bagi menunjukkan makna yang sama. Namun begitu terdapat beberapa perbezaan yang ketara di antara khususnya dari sudut etimologi kalimah masing-masing.

Etika berasal daripada perkataan Inggeris iaitu *ethic*. Dalam Kamus Webster, *ethic* dimaksudkan sebagai “system or philosophy of conduct and principles practiced by a person or group”.¹ Sementara dalam Kamus Oxford, *ethic* mengandungi pengertian-pengertian berikut :

1. The moral principles or a system of a particular leader or school of thought.
2. The moral principles by which a person is guided.
3. The rule of conduct recognized in certain association or departments of human life.²

Kamus Besar Bahasa Indonesia pula mencatatkan definisi ‘etika’ sebagai berikut ; Pertama, etika bererti: nilai-nilai dan norma-norma moral yang menjadi pegangan bagi seseorang atau kelompok dalam mengatur tingkah lakunya atau ringkasnya dirumuskan sebagai “sistem nilai”. Kedua, etika bererti kumpulan asas atau nilai moral. Yang dimaksud disini adalah kod etik. Ketiga, etika bermaksud sebagai ilmu tentang yang baik atau buruk. Etika mula menjadi ilmu ketika nilai-nilai atau asas-asas tentang yang dianggap baik dan buruk menjadi bahan refleksi bagi suatu penelitian sistematik dan metodis.³ Daripada huraian maksud pengertian etika ini dapat diringkaskan bahawa etika adalah satu disiplin ilmu yang mengkaji tentang moral, prinsip moral, kaedah moral dan tindakan serta kelakuan manusia yang betul.⁴

Perkataan yang lahir dari latar belakang yang hampir sama dengan Etika adalah Moral. Ia berasal dari bahasa Latin *mos* (jamak: *mores*) membawa maksud adat dan kebiasaan. Moral dihubungkan dengan prinsip-prinsip benar dan salah, baik atau buruk dalam aspek perilaku dan karakter.⁵ Ia juga dianggap sebagai ajaran atau pegangan berkenaan buruk baik sesuatu perbuatan.⁶ Ringkasnya, moral adalah sesuatu yang berhubung kait dengan sikap, perilaku manusia yang dianggap baik atau buruk, atau berhubungan dengan perkara yang membezakan antara benar atau salah berkenaan dengan perlakuan, sikap atau karakter yang dapat dipertanggungjawabkan. Ia merupakan idea umum yang telah diterima oleh sesuatu masyarakat tentang suatu tingkah laku yang baik dan buruk oleh manusia. Dalam erti kata lain moral ialah tingkah laku yang telah

ditentukan oleh etika sama ada baik atau jahat. Yang baik adalah segala tingkalah laku yang dikenal pasti oleh etika sebagai baik dan yang buruk ialah tingkalah laku yang dikenal pasti oleh etika sebagai jahat.⁷

Perkataan akhlak pula berasal daripada kalimah Arab *Khalaqo* yang bermaksud *ad-Din* atau *al-Muruat* atau *at-Tob'u*. Perkataan-perkataan ini membawa pengertian agama, maruah, perangai atau sikap semulajadi. Al-Ghazali, seorang ahli tasawuuf Islam yang terkenal mendefinasikan Akhlak sebagai keadaan (*Hai'at*) yang telah tetap di dalam din dan jiwa manusia yang menghasilkan (*Tusdiru*) perlakuan dengan mudah dan secara spontan. Apabila keadaan (*Haiat*) menghasilkan perlakuan buruk maka keadaan itu disebut sebagai akhlak yang buruk.⁸ Yaljin Miqdad pula merujuk akhlak sebagai suatu landasan dan prinsip-prinsip yang mengatur perilaku manusia berdasarkan wahyu untuk mengatur kehidupan manusia dalam rangka mencapai matlamat dari penciptaan alam semesta secara sempurna.⁹ Beliau membahagikan akhlak kepada dua bentuk iaitu ;

Pertama ; Tabi' Insani (Bentuk Ketuhanan), kerana akhlak Islam itu adalah ditentukan oleh Allah swt. Manusia dikehendaki mematuhi sistem akhlak itu seperti yang telah ditentukan. Oleh hal yang demikian, wahyu Allah datang bagi menjelaskan sistem akhlak dan manusia dituntut menerima serta melaksanakannya dengan sepenuh hati demi kebaikan hidup mereka di dunia dan di akhirat. Kedua, Tabi' Insani (Bentuk Kemanusiaan), bermaksud bahawa akhlak datang dalam bentuk-bentuk umum dan tidak dijelaskan secara terperinci seperti pengaturan sistem siasah dalam Islam. Dalam hal ini didapati bahawa tiada ketentuan yang jelas dari Wahyu dan terpulang kepada manusia untuk melaksanakannya dengan bijaksana.¹⁰

Dr. Yusuf Qardawi seorang ulamak semasa tersohor pula memberi gambaran tentang akhlak Islamiyah secara lebih luas. Menurut beliau, Akhlak Islamiyah bukan apa yang disebut oleh orang ramai sebagai akhlak diniyyah sahaja, yang dimanifestasikan dalam bentuk melaksanakan perintah-perintah ibadah (*syaair at-ta'abbudiyah*) dan menghindari memakan khinzir dan minum khamar dan lainnya, akan tetapi ia adalah akhlak yang mencakupi seluruh aspek kehidupan serta seluruh sisinya.¹¹

Bertitik tolak dari definisi akhlak di atas, dapat difahami bahawa akhlak Islam bukanlah terbatas kepada perbicaraan sikap baik dan buruk semata-mata, bahkan mengandungi maksud yang lebih syumul atau menyeluruh. Ringkasnya, seluruh ajaran Islam menjana suatu sistem akhlak yang sempurna. Ia berbeza dengan pengertian etika atau moral yang hanya merupakan suatu ukuran baik atau buruk yang disandarkan di

atas penilaian akal manusia sahaja. Justeru itu, sebarang penilaian etika terhadap tingkahlaku manusia haruslah dibuat dari neraca akhlak Islam yang berasal daripada tuntutan Ilahi, pencipta manusia itu sendiri.

GERAKAN ISLAM DAN POLITIK

Gerakan Islam dan politik merupakan suatu hubungan erat dalam konteks kebangkitan Islam khususnya sejak kejatuhan kekuasaan politik Islam yang diterajui oleh Khalifah Uthmaniah Turki pada tahun 1924. Kebangkitan gerakan Islam dalam memperbaiki kemerosotan politik umat Islam dapat dilihat secara jelas apabila Ikhwan al-Muslimin ditubuhkan sejurus pada tahun keempat (1928) selepas peristiwa tersebut. Kemunculan gerakan Ikhwan yang cuba menyedarkan umat mengenai kepentingan politik sebagai salah satu daripada aspek penting dalam memenuhi tuntutan Islam yang syumul, telah menjadi ikutan kepada banyak gerakan dan pertubuhan Islam semasa di seluruh dunia. Di antara yang terkenal ialah Jamaat Islami dari Pakistan yang terlibat secara langsung dalam sistem demokrasi negara itu.¹² Natijahnya, politik bukan lagi menjadi suatu unsur asing dalam perjuangan gerakan Islam, kecuali bagi sebahagian gerakan yang sememangnya pasif terhadap politik atau masih beranggapan pendekatan dakwah tafsiran mereka adalah lebih utama dan berkesan berbanding politik kepartian. Variasi sikap dan pandangan seperti ini sering menimbulkan perselisihan di kalangan gerakan Islam yang menekankan salah satu daripada dua pendekatan tersebut.

Dalam konteks perkembangan politik tanah air, gerakan Islam telah terlibat secara langsung sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan. Bahkan, gerakan para ulama telah berperanan dalam menghalau penjajah Inggeris daripada bumi umat Islam Melayu ini. Perjuangan mereka bukan sekadar berdoa di tikar sembahyang atau di mimbar khutbah sahaja bahkan sampai ke peringkat mengadaikan nyawa bagi membebaskan tanahair daripada belenggu penjajahan. Nama-nama seperti Tok Ku Pulau Manis, Ibrahim Limbong dan Tok Janggut memenuhi senarai pelopor kebangkitan Jihad umat Islam di negara ini. Kemunculan gerakan Islah atau Kaum Muda yang menyarankan pemodenan di kalangan umat Islam juga dikaitkan dengan peranan para ulama yang terpengaruh dengan kebangkitan gerakan Islam di Timur tengah. Institusi pondok yang menjadi nadi kebangkitan para ulama dalam politik diperkemaskan lagi dengan kemunculan institusi madrasah yang memelopori sistem pendidikan Islam dalam skop yang lebih moden. Di antaranya ialah Madrasah Ihya' al-Sharif, Gunung Semanggol yang menjadi pengkalan kepada penubuhan parti Islam (*Hizbul Muslimin*) pertama pada tahun 1948.

Ide dan perjuangan *Hizbul Muslimin* ke arah penubuhan sebuah negara Islam menjalar pula dalam parti PAS yang ditubuhkan pada tahun 1951.¹³ Krisis yang berlaku dalam PAS pula telah melahirkan beberapa buah parti Islam lain seperti Berjasa, Hamim dan Islah yang jelas menjadikan politik sebagai kaedah asasi dalam mencapai cita-cita perjuangan Islam di negara ini.

Sebagaimana yang telah disentuh di atas, persoalan menjadikan politik sebagai medan dalam mendaulatkan Islam tidak berbangkit di kalangan gerakan Islam yang jelas mendaftarkan pertubuhan mereka sebagai sebuah parti politik. Namun demikian, ia menjadi suatu isu besar khususnya bagi gerakan Islam yang bercorak kesufian atau tarikat. Kemunculan gerakan seperti ini yang *low-profile* dan *eksklusif* menyebabkan mereka terpinggir daripada arus perkembangan politik semasa. Umumnya, tumpuan yang diberikan kepada peningkatan rohani telah mewarnai hampir keseluruhan aktiviti gerakan tarikat. Sebarang aktiviti politik yang wujud, hanyalah di atas dasar individu sahaja. Justeru itu, gerakan Sufi seperti Naqshabandiyyah, Shazliyyah, Ahmadiyyah dan lain-lain yang telah lama bertapak di negara ini tidak menonjol dalam perjuangan politik tanahair. Usaha menemukan gerakan tarikat bagi membincangkan perkara yang lebih luas termasuk politik pernah dilakukan menerusi *Kongres Sufi SeMalaya* pada tahun 1962. Namun demikian, usaha ini menemui kegagalan apabila pihak berkuasa membatalkan permit perhimpunan tersebut.¹⁴

Sikap dan pendekatan gerakan Sufi yang negatif terhadap politik pada umumnya adalah hampir sama. Kebangkitan gerakan dakwah yang bercorak kesufian seperti Jamaah Tabligh dan al-Arqam tidak banyak memberikan perubahan kepada sikap positif dan aktif dalam politik semasa. Gerakan ini banyak menumpukan kepada pembinaan dimensi kerohanian berbanding politik. Bagi Jamaah Tabligh kefahaman terhadap iman dan Islam serta penghayatan rukun-rukunnya dianggap sebagai suatu persoalan asas yang harus diselesaikan terlebih dahulu berbanding dengan tumpuan pembincangan terhadap ilmu dan isu menurut Islam. Bagi gerakan ini, permasalahan politik secara mudah dapat diselesaikan apabila manusia benar-benar dapat menghayati perkara-perkara yang disebut tadi.¹⁵

Al-Arqam pula agak lebih responsif dalam menangani isu politik semasa. Walaupun mereka pada dasarnya menerima hakikat kepentingan politik di dalam gerakan Islam, tetapi menegaskan bahawa pembinaan kerohanian pendakwah adalah merupakan aspek yang lebih penting dalam menonjolkan kesempurnaan politik Islam. Ini dapat dilihat daripada sikap pengagasnya, Ustaz Ashaari yang pernah menjadi ahli PAS mendakwa bahawa parti itu telah mengabaikan aspek kerohanian. Menurut Al-Arqam,

penglibatan politik tidak semestinya hanya menerusi pilihanraya, sedangkan banyak lagi kaedah lain seperti memenuhi tuntutan Fardhu Kifayah terlebih dahulu berbanding politik menegakkan sebuah negara Islam.¹⁶ Ringkasnya, gerakan ini berpolitik mengikut acuan dakwahnya yang tersendiri sehinggalah didakwa terlibat dalam penyalahan akidah dan konspirasi menjatuhkan kerajaan dengan jalan tidak demokratik; yang berakhir dengan pengharamannya pada tahun 1994.

Ada pandangan yang berpendapat bahawa tokoh-tokoh ABIMlah yang awal tampil mengepalai gagasan radikalisme di negara ini khususnya melalui penggunaan istilah-istilah *Taghut* dan *Jahiliyyah* terhadap gejala modernisme dan sekularisme di Malaysia.¹⁷ Tokoh-tokoh muda di dalam ABIM begitu lantang menentang sebarang bentuk pemikiran dan aktiviti yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam. Penglibatan beberapa orang tokoh ABIM seperti Anwar Ibrahim dalam tunjuk perasaan dan demonstrasi pada awal tahun 1970an dikaitkan dengan kesimpulan bahawa ABIM adalah sebuah gerakan Islam yang radikal. Namun demikian, gelombang kebangkitan seperti ini dilihat mempengaruhi PAS pula khususnya apabila berlaku penghijrahan kepimpinan ABIM ke dalam parti itu. Tokoh-tokoh muda seperti Haji Hadi Awang, Fadhil Noor dan Muhammad Sabu yang dilabelkan sebagai Young Turk ini berjaya menukar kepimpinan order lama di bawah Datuk Asri Muda kepada kepimpinan ulamak yang didakwa terpengaruh dengan gaya pendekatan kepimpinan Mullah di Iran.¹⁸

Aliran radikalismedi dalam ABIM mulai berkurangan berikutan penghijrahan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada 1982. Lalu bermulalah era “kematangan” ABIM yang menjurus kepada semangat kerjasama dan meninggalkan retorika politiknya. ABIM melihat bahawa politik Islam tidak akan dapat dicapai dengan hamburan caci maki dan kata-kata kesat kepada *mad’u*. Gerakan Islam tidak seharusnya menjadi juara mengutuk *mad’u*, tetapi sebaliknya menghampirinya dengan penuh hikmah dan lemah-lembut, sesuai dengan corak pendekatan alam Melayu yang beransur-ansur dan sopan itu. ABIM seolah-olah mendapat peranan baru sebagai sumber legitimasi yang mempertikaikan pendekatan politik PAS khususnya dari sudut etika dan adab berdakwah. Walaupun ABIM dikatakan menyebelahi Anwar dalam isu pergolakan politik terbaharu, akhir-akhir ini sikap terbuka ABIM dalam membawa pihak-pihak yang bertelagah dalam arena politik tanahair ke meja rundingan dikritik hebat oleh sesetengah pihak dalam gabungan Barisan Alternatif yang menuduhnya tidak mempunyai prinsip perjuangan yang jelas. Dalam perkembangan terakhir, ABIM dicemuh kerana didakwa mengharap ihsan Perdana Menteri untuk mengadakan pertemuan bagi membincangkan

perpaduan Melayu, sedangkan tindakan ini hanya memberikan keuntungan politik kepada beliau dalam usaha memulihkan kembali imej UMNO di mata masyarakat. Kritikan ini dijawab oleh Risalah, lidah rasmi ABIM yang berpendirian bahawa pendekatan demikian adalah sebaik-baik jalan dalam menonjolkan dominasi dakwah yang beradab ke atas politik; sesuai dengan dasar non-partisannya yang mementingkan kesejahteraan dakwah.¹⁹

Suasana politik semasa yang 'kotor' juga menyebabkan gerakan Islam berbentuk tariqat mengelakkan diri daripada terlibat secara langsung dalam politik. Ini dapat dilihat daripada sikap Jamaah Tabligh dan lain-lain gerakan Sufi yang menyepikan diri daripada membicarakan isu-isu politik semasa. Walaupun secara umumnya gerakan Islam bersetuju bahawa politik tidak terpisah daripada ruang lingkup ajaran Islam, sebahagian daripada mereka khususnya yang tidak terlibat dengan politik secara langsung amat berhati-hati justeru menjaga adab, etika dan akhlak dalam agama. Hal ini menyebabkan pendekatan politik sebahagian gerakan Islam seperti PAS sering dikritik oleh rakan-rakan gerakan yang lain. Sebagai contoh, Ashari mengkritik badan-badan Islam yang ghairah mengatakan sesuatu sehingga menyentuh nama peribadi lawannya itu. Kadang-kadang perbuatan mereka itu telah tergolong ke dalam bab mengumpat yang diharamkan oleh Islam. Akhirnya musuh-musuh gerakan Islam bertambah jauh dengan Islam kerana hati mereka telah pun dilukai. Mereka akan mengadakan serangan balas pula yang boleh menimbulkan pergolakan di tengah-tengah masyarakat kerana sikap yang tidak berhati-hati dan bernaftu itu. Perbuatan ini boleh diibaratkan sebagai membasuh najis dengan air najis di mana najis yang sedia ada tidak dapat dibersihkan, bahkan najis itu bertambah merebak dan meluas.²⁰

Secara ringkasnya dapat dikatakan bahawa kebangkitan gerakan Islam khususnya yang bercorak politik atau terlibat secara langsung dalam mengejar kekuasaan didapati mudah terlibat dalam masalah etika. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya gerakan Islam dalam konteks ini iaitu PAS menjadi bahan kritikan dari rakan-rakan segerakan sendiri. Apakah sebenarnya isu-isu politik yang dikatakan bertentangan dengan persoalan etika di dalam PAS itu?

ISU ETIKA DALAM PAS

Secara khusus dakwaan tentang tindak-tanduk politik PAS yang tidak beretika dan mencemarkan imejnya sebagai sebuah gerakan Islam secara umumnya dikatakan boleh dilihat dalam bentuk pidato atau ceramah politik PAS yang disulami dengan kata-kata kesat, kasar dan lucu. Sebagai

contoh, Ismail Ibrahim, pengarah IKIM menyatakan: “perbicaraan-perbicaraan yang kesat yang biadab dan kotor daripada penceramah dan menyinga dan menakutkan atau kalau tidak menyinga dan menakutkan pun, mungkin akan didengarnya kata-kata lucu dan lucu yang amat sinikal dan dangkal sebagai bahan murahan, tetapi membawa mesej yang amat menyinggung.” Beliau seterusnya cuba menyamakan ceramah-ceramah sedemikian dengan konsep mungkar yang boleh menjejaskan kesucian Islam.²¹

Gelagat sebahagian pemimpin PAS yang menggunakan kata-kata kesat, kasar dan kurang manis dalam pidato dan ceramah mereka turut diulas oleh Firdaus Abdullah. Sebagai contoh beliau merekodkan bahawa pernah Ustaz Fadhil Noor secara berulang-ulang (tidak kurang dari 10 kali) menggunakan perkataan “kepala bapak” dan “kepala hotak dia” dalam satu ceramahnya. Menurutnya, perbuatan ini sudah tentu tidak manis terutama jika dilakukan di khalayak anak-anak. Beliau juga mendakwa bahawa terdapat pemedato PAS seperti Muhammad Sabu yang turut menggunakan istilah-istilah kurang manis seperti “jubur”, “jilat punggung” dan isyarat “lucuh” yang lain. Dengan gaya yang penuh kelucuan, Muhammad Sabu juga didakwa mempersenda-sendakan pemimpin negara seperti Tun Ghafar Baba dengan panggilan “bodoh” dan hodoh.²²

Terdapat juga tokoh masyarakat yang mempertahankan penceramah PAS. Shahnnon Ahmad misalnya memuji dan mempertahankan Muhammad Sabu. Terdapat beberapa alasan kenapa beliau mempertahankan tokoh popular PAS ini. Faktor pertama ialah kerana Muhammad Sabu membawa isu-isu penyelewengan yang selama ini tidak diketahui oleh rakyat. Kedua, kes-kes penyelewengan tersebut dihidangkan lengkap dengan fakta-fakta serta maklumat yang tuntas. Ketiga, Muhammad Sabu sebenarnya mempunyai imej yang bersih walaupun pernah didakwa berkhawat. Keempat Muhammad Sabu adalah seorang pemedato yang berani dalam menegakkan kebenaran yang dibawanya. Kelima, pidato beliau diakui kadangkala kasar tetapi pendekatan ini sesuai dengan khalayak yang sememangnya memerlukan pendekatan berterus terang. Keenam, beliau seorang yang pandai berseloroh dan berjenaka bagi menarik perhatian pendengarnya.²³ Shahnnon Ahmad yang mungkin terpengaruh dengan cara Muhammad Sabu ini pula mengemparkan masyarakat dengan novel satira-politik iaitu *Shit*. Novel yang mencecah angka jualan lebih dari 100 ribu naskhah ini dikritik sebagai penuh dengan perkataan mencarut, kasar dan kesat yang sangat menjijikkan. Novel ini kemudiannya menjadi polemik panas yang berlarutan apabila Murshid Am PAS, Dato’ Nik Abdul Aziz Nik Mat dikatakan menyokong Shahnnon dengan kenyataan bahawa Islam membenarkan mencarut, khususnya

dalam menentang kemungkarannya. Pandangan ini ditolak oleh ulamak UMNO iaitu Dato' Zainal Abidin Kadir yang menyatakan karya yang menggunakan bahasa lucah ini sama sekali bertentangan dengan Islam.²⁴

Kebejatan etika umat dalam berpolitik menular sehingga kepada institusi ibadat, di mana surau dan masjid dikatakan menjadi sarang menyalurkan ideologi politik dan maki hamun terhadap lawan masing-masing. Sekali lagi, PAS dituduh sebagai parti yang menyalahgunakan institusi tersebut. Isu hangat ini diulas oleh Ismail Ibrahim, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan yang berpendapat bahawa Imam tidak berhak menentukan fahaman politik makmum walaupun dalam solat semuanya mesti mengikut imam justeru lambang perpaduan dalam Islam. Imam atau khatib boleh bercakap mengenai politik yang lebih luas bukannya politik kepartian yang sempit. Bukan semua perkara yang mesti dimasukkan ke dalam khutbah, lagipun mengkritik mestilah mempunyai adab dan hikmah. Kehangatan isu ini menarik minat pihak berkuasa untuk campurtangan. Menurut Dato' Dr. Hamid Othman Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kegiatan seperti ini boleh dikawal melalui peruntukkan akta atau enakmen kesalahan jenayah Syarie yang mewajibkan tauliah kepada pengajar di masjid dan surau.²⁵

Selain dari itu, *Harakah* sebagai lidah rasmi PAS turut dikaitkan sebagai agen pembawa fitnah dalam masyarakat. Berita-beritanya didakwa berat sebelah dan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat. Penyebarannya yang meluas kepada bukan ahli PAS dikatakan menyemarakkan lagi gejala fitnah dewasa ini. Hamdan Adnan, Presiden FOMCA yang pernah suatu ketika memuji *Harakah* telah menyeru supaya diambil tindakan terhadap akhbar berkenaan kerana cuba mensensasikan berita contohnya mengenai kes keracunan Anwar. Menurut beliau, eksploitasi berita seperti ini dikhuatiri akan membangkitkan kemarahan rakyat terhadap kerajaan.²⁶ Terdapat juga beberapa ruangan lain yang mungkin boleh dipertikaikan. Di antaranya ialah ruangan Satu-dua Tiga Lekup, Min Aina Ila Aina dan imej baru karikatur "orang berhidung besar" dan "ketua pemuda UMNO yang bersifat pondan" oleh kartunis Zunar. Walaupun pendekatan ini dapat menyampaikan mesej reformasi politik secara sinis, ia boleh dipersoalkan dari sudut moral justeru mempermain-mainkan watak atau sifat pemimpin seperti yang berlaku dalam dakwah lisan parti ini.

Pelanggaran etika dalam pendekatan politik gerakan Islam berada di tahap paling kritikal apabila kita turut mengambilkira isu *Takfir* yang didakwa dipelopori oleh PAS. Isu ini dipercayai menjadi asas kepada pembentukan sikap radikal, tidak beretika dan melampau parti tersebut terhadap UMNO. Ibrahim Abu Bakar seorang pensyarah di Fakulti

Pengajian Islam UKM merujuk kepada satu kes *Takfir* yang berlaku pada Ogos 1979 di Mahkamah Syariah Besut, Terengganu. Mengikut laporan akhbar, Haji Mustafa bin Abu Bakar dibicarakan kerana memberi syarahan agama yang mengandungi kenyataan-kenyataan berikut;

1. Orang-orang UMNO Islam dalam Barisan Nasional hukumnya murtad.
2. Orang-orang UMNO dalam Barisan Nasional tidak sah dijadikan imam sembahyang.
3. Sembelihan orang-orang UMNO Barisan Nasional tidak boleh dimakan.
4. Tidak sah akad nikah sekiranya jurunikah itu orang Barisan Nasional.²⁷

Dalam Muktamar Masjid bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1980, seorang wakil dari Pejabat Agama Islam Terengganu memberitahu wujudnya masalah Kafir-mengkafir di kalangan orang Islam di daerah Besut. Sembahyang Jumaat yang didirikan dan diimamkan daripada Barisan Nasional tidak dimakmumi oleh orang-orang bukan BN. Pada pendapat wakil itu, hal ini adalah anasir yang merosakkan perpaduan sesama Islam atau sesama Melayu Islam. Walaupun wakil berkenaan tidak menyebut golongan Melayu-Islam mana yang tidak bersembahyang Jumaat berimamkan Imam daripada UMNO, tetapi kenyataannya itu boleh ditafsirkan sebagai ditujukan kepada orang-orang PAS. Buktinya, PAS di Besut menjadi parti yang kuat menentang UMNO. Pegangan dan fahaman Haji Mustafa adalah mewakili pandangan sebahagian ahli-ahli PAS. Haji Mustafa sendiri adalah Tok Guru di sebuah pondok di Pasir Tumbuh, Kelantan di mana minat dan kecenderungan politiknya adalah PAS.²⁸

Isu Takfir gagasan PAS ini semakin serius dan memuncak apabila media arus perdana membahaskan semula kenyataan kontroversi yang pernah ditimbulkan dalam ‘Amanat Haji Hadi’ sejak 20 tahun yang lalu. Amanat tersebut menyatakan “Percayalah! Kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO. Kita menentang Barisan Nasional bukan kerana nama Barisan Nasional. Kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan Jahiliyyah. Oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka. Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah Jihad, ucapan kita adalah Jihad, derma kita adalah Jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, mati kita adalah mati Syahid, mati kita adalah mati Islam. Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha. Tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku.”²⁹

Wujudnya pendekatan dan justifikasi seperti yang dinyatakan di atas, dilihat oleh sesetengah sarjana sebagai berpotensi melariskan lagi tindakan-tindakan politik yang membelakangkan perhitungan etika Islam. Mungkin demi menjaga masalah inilah, Saodah Abdul Rahman seorang pensyarah UIA menasihatkan pembaca akhbar *Berita Harian* supaya “apabila mendengar ceramah yang menggunakan ayat al-Quran sebagai cara untuk menyokong kegiatan dan ideologi mereka yang samar, maka tinggalkanlah ceramah seperti itu....setiap umat Islam perlu sedar bahawa penyalahgunaan ayat al-Quran dan Hadis untuk menyokong kegiatan persatuan, atau mendapat sokongan masyarakat amat besar risikonya. Pemimpin organisasi Islam perlu sedar bahawa jika mereka tersilap memberi panduan atau tunjuk ajar yang bertentangan dengan ajaran Islam, setiap kegiatan bertentangan dengan ahli persatuan atau masyarakat itu akan dipertanggungjawabkan ke atas mereka.”³⁰

Menurut kajian Mohammed Yusof Hussain, Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM, pelanggaran etika dalam konteks politik seperti ini berpunca daripada tindakan PAS mempergunakan agama bagi kepentingan politiknya. Kajian beliau bertajuk *Islam dan Politik: Kajian Penyalahgunaan Agama Sebagai Alat Kepentingan Politik* menjelaskan bahawa PAS sanggup mengeluarkan fatwa atau pandangan yang boleh mengelirukan masyarakat. Beliau memetik salah satu daripada salah seorang tokoh kanan PAS semasa berucap di Kampung Delima, Wakaf Baru, Tumpat Kelantan; “... ketika itu Nabi kita rebut peluang gi dakwah doh, da Nabi cari oghe-oghe Madinah, Nabi cari... royak memperkenalkan diri gini-gini yang menyebabkan tiap-tiap tahun oghe Madinah sampai ke Mekah di Mina tu, tempat oghe melontar tu, ada sokmo oghe hok baru masuk, masuk Islam, masuk Paslah kita panggil – masuk Islam, haa gitu duduk.”³¹

Sebenarnya dakwaan penyalahgunaan agama untuk kepentingan politik ini tidak hanya membabitkan PAS. Sebagai contoh, Al-Arqam yang tidak terlibat dalam politik secara langsung itu pun turut dituduh menggunakan agama bagi kepentingan politik. Zabidi Mohamed, bekas penasihat al-Arqam menyatakan bahawa; “matlamat perjuangan al-Arqam telah berubah, teralih daripada perjuangan yang lebih global dan suci kepada perjuangan yang sempit dan tercemar hanya kerana cita-cita politik Ustaz Asaari Mohammad...isi perjuangan al-Arqam telah bercampur aduk di antara kebatilan, kebenaran dengan memasukkan perkara-perkara dari luar... pendekatan perjuangan al-Arqam jelas tidak Islamik, kerana telah memeralatkan agama untuk politik...natijah perjuangan al-Arqam tidak lagi indah dan menyelamatkan seperti mana yang didakwa kerana terlibat akibat dan natijah daripada perjuangan adalah kemusnahan yang berlaku

kepada ahli-ahlinya dan aktiviti-aktivitinya, penzaliman, politicking... kepimpinan tertinggi khususnya daripada Ustaz sendiri...”³²

Mungkin bagi mengelakkan kekeliruan seperti ini juga Timbalan Perdana Menteri Dato' Abdullah Hj. Ahmad Badawi telah mencadangkan supaya gerakan Islam atau dakwah tidak wajar mencampuri urusan politik kepartian. Beliau dicatatkan berkata; “Da’wah group should remain non-partisan to political parties. They should not in their work of guiding people towards good, get involved in matters pertaining to party politics”.³³ Di samping itu tindakan tegas menurut undang-undang dikenakan kepada mereka yang didapati boleh menggugat keselamatan negara lantaran pendekatan politik yang didakwa membelakangkan etika politik semasa. Sebagai contoh, tindakan tegas ke atas kumpulan al-Maunah dan KMM dipercayai boleh dikaitkan dengan pelanggaran etika politik di negara ini.

PERBAHASAN DAN PERDEBATAN MENGENAI ISU-ISU ETIKA DALAM PAS

Secara umumnya terdapat isu-isu yang dibincangkan di atas boleh dijadikan hujah bagi mengaitkan bahawa sebahagian gerakan Islam khususnya PAS turut terbabit dalam pendekatan yang didakwa bertentangan dengan adab akhlak Islam. Bagi isu pertama iaitu dakwaan bahawa PAS menggunakan pendekatan maki hamun dalam politik, adalah diakui bahawa Islam melarang perbuatan memaki, mencarut dan menyebarkan fitnah. Sebagai sebuah parti Islam PAS sudah pasti mengetahui bahawa ia adalah merupakan suatu kesalahan atau dosa yang menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan umat Islam. Banyak nas-nas yang menyatakan larangan ini seperti firman Allah swt:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah satu kaum menghina kaum yang lain. Sebab mungkin mereka yang dihina itu lebih baik daripada yang menghina. Dan janganlah pula kaum perempuan menghina perempuan yang lain. Barangkali mereka yang dihina itu lebih baik daripada yang dihina. Dan jangan pula kamu suka mencela sesama sendiri, dan jangan memanggil dengan nama yang tidak baik. Jahat sekali nama yang buruk itu sesudah beriman. Siapa yang tidak bertaubat sesudah itu, maka merekalah orang-orang yang zalim. Dan janganlah kamu mengata sebahagian kamu dengan sebahagian yang lain, adakah kamu seorang dari kamu suka memakan daging mayat saudaranya, maka hendaklah dia membenci”

(Maksud al-Hujurat: 11-12).

Firman Allah swt lagi:

“Fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh”

(Maksud al-Baqarah: 191)

Persoalannya, apakah kesemua ceramah PAS atau sebahagian besar daripadanya adalah fitnah? Setakat ini, masyarakat tidak dapat diyakinkan secara menyeluruh bahawa ceramah-ceramah PAS adalah fitnah semata-mata. Pandangan bahawa PAS penyebar fitnah hanyalah dakwaan daripada media arus perdana yang diketahui umum adalah pendokong kepada suara rasmi kerajaan. Sekiranya nada bangkangan adalah serasi dengan media PAS, maka hakikatnya juga sama bagi media arus perdana yang terpaksa mengikut rentak dan tari mereka yang memegang sahamnya.³⁴ Dalam lain pengertian, boleh dikatakan hampir tiada sebuah media berpengaruh yang mampu mendapatkan liputan adil daripada kedua-belah pihak secara saksama. Justeru itu, pihak gerakan Islam khususnya PAS terdedah kepada penggunaan media yang hanya cuba menyalurkan pandangan partinya sahaja. Kekasaran PAS dalam berhujah boleh dikaitkan dengan tekanan psikologi yang diterima oleh parti itu. Tokoh-tokoh PAS mungkin kehilangan sabar apabila kebebasan mereka menyampaikan kritikan secara terbuka disekat. Adalah suatu yang tidak adil sekiranya kita secara mudah mengatakan dakwaan PAS adalah fitnah tanpa terlebih dahulu menelitinya secara mendalam. Suatu hal yang perlu diingat ialah kritikan-kritikan PAS yang disalurkan melalui medianya merupakan di antara isu yang dibahaskan di Parlimen. Pernyataan secara terbuka di luar Dewan Rakyat sebagaimana yang dilakukan oleh parti pembangkang terdedah kepada implikasi undang-undang. Sekiranya amalan institusi perundangan berjalan dengan baik dan licin, kebenaran sesuatu kritikan bukan sahaja dapat dinilai secara rasional oleh masyarakat bahkan dapat dipantau secara berkesan menerusi tindakan undang-undang.

Selain daripada kesan psikologi yang mempengaruhi pendekatan radikal PAS, parti itu juga kelihatan mempunyai *Islamic legitimacy* dalam mempertahankan pendekatan yang sedemikian. Ini dapat dilihat daripada perbincangan para ulama dalam mengkategorikan sama ada apakah perbuatan memaki dan mengumpat adalah haram secara total dalam Islam. Apakah tidak terdapat kelonggaran yang diberikan oleh Syarak dalam perkara-perkara sedemikian?. Sebagai contoh, mengumpat (*ghibah*) dibolehkan dalam konteks orang yang dizalimi. Allah berfirman:

“Allah tidak menyukai ucapan buruk (yang diucapkan) dengan berterus terang kecuali oleh orang yang dizalimi. Allah adalah Maha mendengar lagi mengetahui”.

(Maksud al-Nisa': 148)

Ayat ini dibawa sebagai teras dalam penghujahan Dr. Yusof al-Qardhawi yang membenarkan menyatakan keburukan orang lain demi untuk menceritakan perihal dirinya yang dizalimi. Beliau membawa contoh kelonggaran mengumpat seperti dalam kes seseorang yang mengadu kepada pengadilan tentang kezaliman yang dilakukan terhadap beliau.³⁵ Memaki juga merupakan suatu pendekatan *nahi mungkar* yang diakui oleh Imam al-Ghazali dalam bukunya *Ihya' Ulumuddin*. Ia dilakukan setelah pendekatan pendidikan dan dakwah tidak berjaya mengubah. Langkah nahi mungkar yang pertama, kedua dan ketiga ialah dengan mengajak atau berdakwah dengan bijaksana, bahkan beliau membenarkan penggunaan kekerasan dalam bentuk ugutan, pukulan dan pemusnahan alat maksiat sekiranya usaha memaki tidak berjaya.³⁶ Justifikasi ulama-ulama yang tidak menghalang kaedah memaki atau lain-lain bentuk kekerasan asalkan ianya dilakukan mengikut kebijaksanaan atau hikmah inilah yang mungkin menyebabkan PAS begitu yakin mempertahankan pendekatan politik semasa mereka.

Penggunaan media sastera sebagai alat dalam amar ma'ruf dan nahi mungkar bukanlah merupakan perkara yang asing walaupun Islam lebih mengutamakan kemaafan. Kitab al-Manaqib dan al-Maghazi dalam Sahih Bukhari menyebut keizinan Nabi kepada Hassan bin Thabit menghina orang-orang Musyrikin dengan syairnya. Malahan, ada sarjana-sarjana Islam yang berpandangan bahawa terdapat pemisahan di antara sastera dengan kawalan agama. Abu Husam³⁷ memetik pandangan Qadhi Ali bin Abdul Aziz al-Jurjani dalam bukunya *Al-Wasata baina al-Mutanabbi wa Khusumihi* yang menyatakan: Sekiranya agama itu menjadi kayu pengukur terhadap kejelekan syair dan iktikad salah sastera yang menyebabkan mundurnya seorang sasterawan, maka wajiblah dipadamkan nama Abu Nuwas daripada Dewan Syair Arab.³⁸ Tetapi sehingga kini, sastera tetap berkembang mengikut laluan dan pendekatannya yang tersendiri. Justeru itu, adalah suatu tindakan yang tidak bijak sekiranya buku *Shit* yang dihasilkan mengikut gaya sastera yang menggunakan pendekatannya tersendiri dihukum mengikut perspektif akhlak atau moral Islam. Tetapi ini tidaklah bermaksud bahawa mencarut itu boleh digunakan sebagai asas atau unsur penting dalam dakwah.

PAS sebenarnya juga menerima dasar ini dan mempunyai ruang untuk melarikan diri daripada dituduh sengaja mencipta suatu kaedah jelek dalam dakwah sebagaimana yang telah dipelopori oleh Shahnun Ahmad. Tambahan pula, tokoh-tokoh PAS yang terbabit dalam dakwaan memaki hamun UMNO seperti Muhammad Sabu turut memperakui bahawa tindakan mengaitkan lawan politik dengan sifat-sifat fizikalnya yang hodoh seperti pendek dan sebagainya adalah bertentangan dengan

Islam.³⁹ Bahkan tindakan sebilangan penceramah PAS yang menggunakan pendekatan kasar terhadap lawannya dikritik secara terbuka oleh perwakilan Muslimat PAS dalam Muktamar Agungnya. Dr. Mariah Mahmud, seorang AJK PAS Pusat dicatatkan meminta agar PAS menghentikan segera perbuatan mencaci, mencerca dan menghina peribadi pemimpin UMNO seperti yang sering dilakukan dalam ceramah politik mereka.⁴⁰

Isu Takfir oleh PAS merupakan satu perkara pokok yang mendedahkan gerakan Islam ini kepada assosiasi imej rakus dan tidak bermoral terhadap lawan politikinya. Namun demikian, bagi PAS, masalah *Kafir-mengkafir* bukanlah suatu perkara yang boleh dijadikan mainan sekiranya tidak berdasarkan sumber-sumber agama yang boleh dipertahankan. Sejak dari awal penubuhan, PAS bertegas bahawa sebarang ideologi yang bercanggah dengan Islam boleh menjerumuskan manusia ke arah kekufuran kepada Allah. Dakwaan PAS ini mempunyai asas sekiranya kita turut mengkaji pandangan-pandangan rasmi institusi kerajaan dalam persoalan parti politik dan perjuangan Islam.⁴¹ Sebagai contoh, fatwa Mufti Johor Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad yang pernah dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Johor pada tahun 1977 dalam bentuk soal-jawab seperti berikut :

Soalan :

1. Adakah boleh digunakan sebagai dalil keterangan *waman lam yahkum bima anzalallah fa ulaikahum al-Kafirun, Fasiqun, zhalimun* dan bolehkan ditujukan kepada kerajaan yang ada pada hari ini?.
2. Sekiranya di tempat saya pada 1959 (Hari Pilihanraya) ada dua calon bertanding satu parti Islam (PAS) dan lainnya parti Perikatan dan saya undi Perikatan, adakah saya termasuk sebagai orang ingkar, murtad kerana melawan parti PAS. Bagaimanakah hukumnya?.
3. Seseorang Islam yang tidak masuk parti Islam maka orang itu dikatakan tidak sempurna Islamnya atau ingkar seterusnya kafir dan murtad, adakah benar.
4. Adakah benar parti itu akidah dan bagaimana hukum seseorang Islam yang mengatakan parti itu akidah, harap diberi jawapan?

Jawapan :

1. Saya tidak boleh menentukan atau menunjukkan kepada satu-satu kerajaan atau satu-satu orang Yahudi atau kafir kerana

demikian berlawanan dengan kaedah fatwa, hanya boleh saya katakan barangsiapa meninggalkan hukum Allah yang ada di dalam Quran dan hadis *mutawatir* atau *ijmak al-Ummah al-Islamiyyah* atau yang maklum *min al-Din bi al-Dharurah* maka jika ia meninggalkannya dengan tiada percaya atau melawan atau benci kepada hukum itu atau ingkarkan ia maka telah menetapkan oleh ulama bahawa ia kafir.

2. Ada banyak parti-parti yang telah menggunakan nama Islam tetapi namanya sahaja wa al-Hal dalam dasarnya dan cara-caranya jauh bahkan selalu bertentangan dengan hukum-hukum Islam tetapi jika kita lihat dasar perjalanannya menurut hukum-parti Islam dengan betul boleh diberi fatwa dan orang-orang Islam telah maklum padanya barangsiapa melawan agama Islam maka ia orang kafir atau fasiq begitu juga jika mereka melawan orang-orang Islam yang berdiri atas jalan yang benar dan lurus.
3. Itu sebenarnya jika ada parti yang berdiri dan berjuang supaya jadilah kalimah Allah *Hiya al-Ulya*.
4. Parti itu bukan akidah tetapi satu jemaah (kumpulan) yang mempunyai satu cita-cita dan tujuan, cita-cita itu boleh benar manakala berjalan di atas dasar Islam dan boleh salah kalau menyalahinya. Kita boleh tahu setelah menyaksikan bagaimana dia mencubakan aturannya dan amalannya.⁴²

Jawapan fatwa yang diberikan oleh Mufti Johor di atas tidak menjelaskan kesalahan PAS secara terang bahkan memberikan ruang ilmiah untuk parti itu menyakinkan massa bahawa perjuangannya adalah selaras dengan tuntutan Islam itu sendiri. Sebagai contoh, parti itu sering menonjolkan dasar dan pelaksanaannya yang didakwa lebih Islamik berbanding dengan UMNO bagi menarik sokongan politik. Justeru itu, PAS yang yakin bahawa penyelesaian terhadap isu dapat dilaksanakan menerusi dialog intelektual telah sanggup menemui UMNO di medan debat secara terbuka sejak awal tahun 1980an. Malangnya, debat yang diharap dapat membuka minda masyarakat untuk menilai sejauhmanakah kemampuan PAS mempertahankan dakwaannya tiba-tiba dibatalkan atas alasan mengelakkan perpecahan di kalangan umat Islam. Beberapa siri ulangan perdebatan UMNO-PAS yang sering ditimbulkan tidak pernah menjadi kenyataan. Masyarakat nampaknya tidak begitu tertarik dalam isu Kafir-mengkafir walaupun isu Amanat Haji Hadi cuba dibangkitkan semula.⁴³ Mereka mungkin lebih berminat menanti hujah UMNO dalam menyanggah dakwaan PAS yang menyatakan Dr. Mahathir pernah

mengeluarkan kata-kata sensitif yang didakwa boleh menyalahi akidah Islam. Di antara kata-kata Perdana Menteri yang sering dikaitkan dengan isu ini oleh PAS ialah;

“Siapa tau janggut Nabi macam mana? Siapa biasa tenggok janggut nabi? Ada gambar? Kita tak tahu. Ada pula yang kata janggut mesti sampai ke pusat. Ada yang special sikit macam tu! (*ketawa*). Apakah kita nak jadikan ini ukuran agama Islam kerana kita berjanggut maka kita Islam. Kononnya Sunnah Nabi. Kita tak tahu. Kita tak tahu sebenarnya macam mana janggut dia (Nabi) (*menahan ketawa*). Di zaman itu nak cukur pun mudah ke? Dia bukan ada Gillette. Zaman nabi ada Gilliette ke? Tak ada? Pisau cukur pun tak ada masa tu. Jadi masalah macam mana nak cukur masa tu. Lepas itu, dia berjalan sana-sini naik unta. Bukan nak dapat air banyak... (di) padang pasir’.⁴⁴

Di samping itu, beberapa perkembangan terkini seperti kemasukan ahli bukan Islam di Sabah ke dalam UMNO turut menarik perhatian masyarakat untuk terpengaruh dengan dakwaan PAS bahawa UMNO mempunyai ahli-ahli dari kalangan orang Kafir. Berita Harian melaporkan bahawa terdapat kira-kira 6000 orang golongan Cina dan Sino dari parti AKAR atau Angkatan Keadilan Rakyat diterima menjadi ahli parti tersebut.⁴⁵ Sepatutnya, UMNO harus berupaya mempertahankan kenyataan Presidennya yang dianggap sebagai menghina Islam itu secara akademik dan terbuka demi mengelakkan manipulasi politik PAS. Sebagai contoh, Harakah yang merupakan lidah rasmi parti itu menyiarkan tulisan pembaca yang menyeru mereka yang pernah menghina Nabi Muhammad meminta maaf seperti yang dilakukan oleh Paderi Jerry Falwell dari Amerika yang menuduh Nabi sebagai pengganas.⁴⁶ UMNO juga harus menjelaskan secara terperinci dari sudut Syarak mengenai kedudukan ahli-ahli barunya ini daripada hanya mendakwa PAS menuduh UMNO sebagai Kafir. UMNO juga perlu menjelaskan kesan perkembangan ini terhadap statusnya sebagai salah sebuah parti Islam terbesar di dunia. UMNO juga harus berani mengadakan *muzakarah* atau *mujadalah* bagi membuktikan apakah dakwaan ini mempunyai asas atau hanyalah retorik politik parti PAS semata-mata.

Momokan bahawa PAS mengkafirkan UMNO hanyalah suatu tindakan mengalihkan simpati dan perhatian masyarakat kepada sebuah tuduhan yang tidak dapat dibuktikan secara ilmiah dan berterus-terang. Pendekatan “sweeping under the carpet” seperti ini sebenarnya tidak sesuai dengan perkembangan masyarakat yang semakin pintar dan cerdas di alaf siber kini. Cabaran terus menerus dari PAS supaya membincangkan isu

ini secara terbuka atau tertutup semakin menonjolkan kewibawaan parti itu di mata masyarakat.⁴⁷ Sebaliknya, debat olok-olok yang didakwa dilakokan oleh beberapa bekas tokoh PAS di Putra Jaya mungkin ditafsirkan sebagai suatu langkah awal bagi parti itu menghapuskan imej “phobia berdebat” di mata umum. Ini menguatkan lagi hujah bahawa UMNO tidak berupaya menghadapi PAS di medan terbuka.⁴⁸ Akan tetapi, di sebalik reputasi PAS yang mungkin tercemar ekoran beberapa pendekatannya yang dikatakan melanggar batasan akhlak Islam, ia dilihat oleh pemerhati antarabangsa sebagai semakin berpengaruh berbanding UMNO sehingga pemimpinnya, Haji Abdul Hadi Awang pernah dipilih sebagai pemimpin ke tujuh paling berpengaruh di Asia.⁴⁹ Kemenangan PAS di Kelantan dan Terengganu serta penerimaan yang agak positif oleh masyarakat bukan Islam sering dijadikan petunjuk bahawa parti itu mempunyai masa depan yang cerah di negara ini. Perkembangan ini agak menyukarkan kita membuat penilaian bahawa isu pendekatan “kasar” atau “tidak beretika” dalam parti PAS secara keseluruhannya dapat meninggalkan kesan negatif kepada perkembangan politik parti itu. Ini ditambah pula dengan kegagalan pihak berkuasa mengaitkan PAS secara langsung dengan gerakan radikal seperti *al-Maunah* dan *KMM* menerusi saluran undang-undang biasa atau perbincangan terbuka.

KESIMPULAN

Berdasarkan pemerhatian umum terhadap beberapa pendekatan politik gerakan Islam khususnya PAS, kita boleh menyimpulkan bahawa parti tersebut telah terperangkap dalam kontroversi pelanggaran akhlak Islam dalam berdakwah. Walaupun PAS mampu membela diri dengan pelbagai alasan seperti tekanan psikologi dan mengemukakan “legimasi syara” terhadap pendekatan tersebut, ia boleh memberikan imej buruk kepada perjuangan Islam parti serta boleh memberikan kesan negatif dari segi percaturan politik semasa. Keupayaan parti yang terbatas dalam menjelaskan perspektifnya di media massa popular akan menyempitkan lagi ruang untuk menjelaskan perjuangannya yang sebenar kepada masyarakat. Sebagai ahli masyarakat pula, mungkin tidak wajar untuk membuat kesimpulan umum bahawa gerakan Islam secara amnya tidak mempunyai etika dalam berpolitik. Pegangan gerakan Islam terhadap nilai-nilai akhlak Islam yang luas dan fleksibel berbeza dengan perspektif etika atau moral Barat yang sempit itu. Justeru itu, terdapat kekeliruan sekiranya cubaan menghukum tindakan gerakan Islam hanya melalui perspektif norma-norma sosial biasa tanpa merujuk kepada asas akhlak Islam yang terdapat dalam al-Quran dan perjuangan politik Rasulullah. Sebarang

tuduhan negatif terhadap PAS perlu diperhalusi menerusi perspektif akhlak Islam yang sebenarnya dan bukan melalui perdebatan yang berasaskan rasional semata-mata. Walaubagaimanapun, isu etika seperti ini mungkin dapat difahami melalui kaedah *mujadalah* atau *muzakarah* yang hasilnya boleh dinilai sendiri oleh ahli masyarakat. Selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah negara Islam-demokrasi, masyarakat Malaysia harus diberi peluang untuk mendengar hujah-hujah daripada parti-parti yang terlibat dalam suasana harmoni, sesuai dengan tahap keupayaan pemikiran rakyat alaf baru. Sekatan-sekatan komunikasi terhadap mana-mana gerakan Islam khususnya PAS hanya akan mengundang lebih banyak tindakbalas yang tidak beretika dan bermoral.

NOTA AKHIR

¹Mario Peci, *The New Grolier Webster international dictionary of the English language*, Vol. 1, Grolier Incorporated, New York, 1972, hlm. 337.

²*The Oxford English Dictionary*, Vol. 11, Oxford University Press, London, hlm. 312.

³*Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Perum Balai Pustaka, Jakarta, 1988, hlm. 237.

⁴Mustafa Haji Daud. *Etika pengurusan*, Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 3.

⁵*Dictionary of the English language unabridged encyclopaedic edition*, J.G. Ferguson Publishing Company, Chicago, 1977, hlm. 1168.

⁶*Kamus Inggeris Melayu dewan*, , Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1991, hlm. 988.

⁷Richard T. Garner, "Ethics", dalam *The Encyclopaedia Americana*, Vol. 10, Connecticut: Grolier Incorporated, 1986, hlm. 610.

⁸Abu Hamid Muhainmad bin Muhammad Al-Ghazali, *Ihya "Ulumuddin*, Vol. 3, Muassasah al-Halaby, Al-Qahirah, 1976, hlm. 68.

⁹Yaljin Miqdad, *al-Ittijah al-Akhlaaki fi al-Islam*, Maktabat al-Khooniji, Mesir, 1973, hlm. 47.

¹⁰*Ibid.*

¹¹Yusof Al-Qardhawy, Madiasais a!" "Ammah U al-Islam, Maktabah Wahbah, Qahirah, 1989, hlm. 107.

¹² Lihat huraian mengenai pendekatan politik kedua-dua gerakan berkenaan dalam Fouad Ajami, 'In the Pharaoh's Shadow : Religion and Authority in Egypt' dalam James P. Piscatori (ed.), *Islam in the Political Process*, Cambridge: Cambridge University Press, 1983, hlm. 12-35 dan Seyyed Vali Reza Nasr, *The vanguard of the Islamic revolution the Jamaat-I Islami of Pakistan*, IB Tauris Publisher, London, 1994.

¹³Lihat Mohamed Abu Bakar, "Ulamak pondok dan politik kepartian di Malaysia, 1945-1985", dalam Norazit Selat (ed.), *Ekonomi dan politik Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 1997, hlm. 145- 185 dan Nabir Haji Abdullah, *Maahad il Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1959*, Jabatan Sejarah UKM, Bangi, 1976.

¹⁴Burhanuddin al-Helmi, *Simposium tasawwuf dan tariqah*, Pulau Pinang: Maktabah al-Hajj Abdullah al-Rawi, 1971, hlm. 1.

¹⁵Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia sejarah dan aliran*, Kuala Lumpur: DBP dan Pulau Pinang: Pusat Pendidikan Jarak Jauh, 1998, hlm. 16.

¹⁶Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia sejarah dan aliran*, hlm. 137. Lihat juga Ahmad Fauzi Abdul Hamid, "Pemerintahan dan Gerakan Islam di Malaysia", *Jurnal Pemikir*, Bil. 23, Januari-Mac 2001.

¹⁷Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia sejarah dan*

aliran, hlm. 349. Pendekatan yang agak radikal juga didakwa menular dalam gerakan pelajar Islam di luar negara. Di antaranya ialah Suara Islam dan IRC. Lihat Zainah Anwar, *Islamic revivalisme in Malaysia dakwah among students*, Petaling Jaya, Pelanduk Publications, 1987.

¹⁸Jomo Kwame Sundaram dan Shabery Cheek, "The politics of Malaysia's Islamic Resurgence", *Third World Quarterly*, vol. 10, No. 2, April 1988, hlm. 853.

¹⁹*Risalah* Bil. 1/Mac 2001, *The Star*, 11 June 2001.

²⁰Ashaari Mohammad, *Huraian kearah membangun negara dan masyarakat Islam*, Bahagian Penerangan Darul Arqam, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 82.

²¹*Berita Harian*, 29 Julai 1999.

²²*Berita Harian* 17 April 1995. Di antara pemidato PAS yang turut menggunakan istilah bodoh ialah YB. Ustaz Haji Bunyamin Yaakob yang pernah mengatakan bekas Menteri Besar Terengganu, Dato' Amar Wan Mokhtar sebagai 'bodoh' kerana memutarbelitkan istilah *perjanjian* kepada *agreement* dalam isu pembayaran royalti negeri tersebut. Lihat laman web radio <http://www.parti.pas.org/> ceramah perdana di Felda Jerangau, Bukit Besi Terengganu (live) pada 13 Februari, 9.45 malam.

²³Shahnon Ahmad, *Harakah*, 29 Mei 1995.

²⁴*Berita Minggu*, 24 April 1999.

²⁵Ibid.

²⁶*Utusan Malaysia*, 7 Oktober, 1999.

²⁷Ibrahim Abu Bakar, "Takfir:interpretasi semantik dan teologi Islam" dalam *Isu-isu dalam Usuluddin dan Falsafah*, Penerbit UKM, Bangi, 1993, hlm. 78.

²⁸Ibid, hlm. 79.

²⁹Amanat ini telah dicetak oleh Jabatan Penerangan PAS Kelantan pada bulan September 1983. Lihat *Tamadun*, Mei 2001, Bil. 80.

³⁰*Berita Harian*, 2 Januari 2001. Beliau juga memperingatkan masyarakat terhadap bahaya golongan radikal seperti ini yang dianggapnya sebagai *Neo-Kharijites*. *Berita Harian*, 25 Mei 2001.

³¹Mohammed Yusof Hussain, *Islam dan politik: Kajian penyalahgunaan agama sebagai alat kepentingan politik*, Inmind, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 6.

³²Zabidi Mohamed, *Tersungkur di pintu syurga: the untold truth and inside story of Al-Arqam & ISA (Detention Without Trial)*, Zabidi Publication, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 245-248.

³³*The Star*, 11 June 2001, Lihat juga dalam *Berita Harian*, 11 Jun 2001.

³⁴Umumnya media massa di negara ini dikatakan pro-kerajaan. Dalam konteks akhbar *Utusan Melayu*, Dato' Zainuddin Maidin (ZAM) mengatakannya dikatakan sebagai "professional biast". Lihat Ahmad Lutfi Othman, *Wajah Baru Politik Malaysia*, Penerbitan Pemuda, Kuala Lumpur, 1995.

³⁵Yusof Qardhawi, Dr., *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, Beirut: al-Maktabah al-Islami, 1985, hlm. 289-290.

³⁶Imam al-Ghazali, *Ihya Ulumuddin*, (ter.), Kuala Lumpur, Victory Agency, 1988, hlm. 480-481.

³⁷Abu Husam ialah seorang pelajar di Jabatan Bahasa dan Satera Arab, Universiti Ali-Bayt, Jordan, Lihat *Tamadun* Jun 1999.

³⁸Untuk maklumat lanjut, lihat Ali Abdul Azizi al-Jurjani, *al-Wasata bain al-Mutanabbi wa Khusumihi*, Dar Ehya al-Kutub al-Arabiyya, Kaherah, 1982.

³⁹Lihat pidato beliau dalam Royalti Minyak Terengganu Apa Akan Jadi? di Taman Melewar, cakera padat.

⁴⁰*Massa*, bil. 244, 10-16 Jun 2000 Tahun 5. hlm. 17.

⁴¹Banyak sumber-sumber yang dijadikan hujah oleh PAS bagi membuktikan bahawa Amanat Haji Hadi mempunyai asas yang kuat dari sudut Syarak. Di antaranya ialah Fatwa Sheikh Mustafa Sabri, Sheikhul Islam kerajaan Turki Uthmaniah dalam kitabnya *Mawqif al-Aql wa al-Ilm*, jil. 1, yang mencatatkan "Memisahkan agama Islam daripada politik adalah jalan yang paling ringkas untuk menjadi kafir", fatwa Sheikh Mahmud Shaltut (bekas Sheikh al-Azhar) dalam *Min Tawjihaat al-Islam* 1964, pandangan Sheikh Yusof al-Qardhawi dalam *al-Da'wah Sawtu al-Haq*, bil. 8 dan Prof. Hamka dalam *Tafsir Al-Azhar*, jil. 8, hlm. 182. lihat Memo, Lutfi Osman, hlm. 3. Lihat juga *Mustika Hadth Rasulullah*, jil. 1, cet. ke 7, BHEIS Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 415-416.

⁴²Fatwa yang ditulis dalam huruf jawi ini dipetik dari *Ad-Din*, bil. 2, Safar 1422. Persoalan murtad ini boleh juga dirujuk dalam buku *Mustika Hadis*, terbitan Jabatan Perdana Menteri.

⁴³PAS berpendapat bahawa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan yang bersidang kali ke 16 pada 18 dan 19 Februari 1986 di Pekan Pahang yang memutuskan ucapan Haji Hadi tersebut sebagai bercanggah dengan ajaran, kepentingan umat serta dakwah Islamiah sebagai bukan Fatwa tetapi pandangan peribadi Mufti-mufti. Menurut Hassan Syukri bahawa setakat ini tiada Fatwa rasmi dikeluarkan walaupun telah ada arahan supaya berbuat demikian baru-baru ini. Lihat "Amanat Hadi, pendapat peribadi mufti, bukan fatwa", *Harakah* 1-15 Jun 2001, ms. 8..

⁴⁴*Mahathir Serta Beberapa Pemimpin UMNO dan penyokongnya anti-Islam*, Dewan Pemuda PAS Pusat, Batu Caves, 2002, hlm. 8.

⁴⁵*Berita Harian*, 23 Mei 2001.

⁴⁶*Harakah*, "Mereka Yang Hina Nabi di Malaysia Belum Mohon Maaf", 1-15 November 2002, hlm. 9.

⁴⁷Dato' Fadhil Noor mencabar Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abdul Hamid Zainal Abidin supaya bersemuka dan berhujah di parlimen mengenai kandungan amanat Haji Hadi. Dato' Fadhil mendakwa bahawa beliau

jarang hadir untuk menjawab soalan mengenai Islam, tetapi sebaliknya menyerahkannya kepada Setiausaha Parlimen yang bukan berlatarbelakangkan pendidikan agama. “Amanat Haji Hadi: Hamid Harus Bersemuka di Parlimen” dalam *Bebaskan*, akhbar editorial Lutfi Othman, hlm. 31.

⁴⁸Debat olok-olok di Putra Jaya yang boleh didapati dalam bentuk CD dipercayai dijual pada awalnya di Muktamar Agung PAS pada 29 Mei hingga – 4 Jun 2000. CD yang didakwa merupakan rakaman tertutup itu boleh didapati kini dengan mudah di ceramah-ceramah Barisan Alternatif. Lihat ulasan Subky Latif dalam *Harakah*, 16-30 Jun 2001.

⁴⁹Menurut *Asiaweek*, Haji Hadi dinobatkan sebagai pemimpin ke tujuh paling berpengaruh di Asia yang mengatasi Dr. Mahathir Mohamed di tempat ke tiga puluh sembilan. Lihat *Harakah* 27 Mei, *HarakahDaily.Com*.